

09/11/1998

Reformasi kewangan agenda utama Apec

KUALA LUMPUR, Ahad - Isu reformasi sistem kewangan antarabangsa bagi memulihkan krisis ekonomi global akan menjadi agenda utama Sidang Kemuncak Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) selama tiga hari, mulai 14 November ini.

Enam tokoh akan membincangkan isu berkenaan pada sesi khas sidang itu, termasuk Menteri Pembangunan Usahawan yang juga Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamad; Menteri Ekonomi Chile, Jorge Leiva dan Dekan Institut Bank Pembangunan Asia Japan, Dr Jesus Estanisiao.

Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia bagi Kerjasama Pasifik (MANCPEC), Tan Sri Dr Noordin Sopiee, berkata isu itu sangat penting untuk dibincang secara serius bagi kepentingan semua negara dan anggota Apec.

Bagaimanapun, katanya, terserah kepada panel yang membincangkan topik berkenaan untuk mengemukakan cadangan dan langkah perlu bagi melaksanakan pembaharuan itu.

"Banyak perkara yang akan dibincangkan, tetapi reformasi sistem kewangan antarabangsa adalah agenda sangat penting," katanya pada sidang akhbar mengenai sidang kemuncak perniagaan Apec di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), di sini hari ini.

Isu lain yang akan dibincangkan ialah perkongsian bijak di kalangan ahli perniagaan dalam bidang e-commerce, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan, pembangunan infrastruktur, pengangkutan, industri kecil dan sederhana, pendidikan, industri berasaskan pertanian, tenaga dan alam sekitar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka menyampaikan ucap tama dan berdialog dengan kira-kira 1,100 ahli perniagaan. Beberapa ketua negara mengesahkan menyertai sidang kemuncak itu, termasuk Presiden Peru, Alberto Fujimori; Presiden Korea Selatan, Kim Dae Jung; Presiden Filipina, Joseph Estrada; Perdana Menteri Australia, John Howard dan Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley.

Dr Noordin yang juga Pengerusi Isis berkata, isu reformasi sistem kewangan antarabangsa menjadi topik utama kerana ramai ahli perniagaan marah terhadap tabung lindung nilai apabila mata wang sesebuah negara naik turun akibat perbuatan golongan itu.

"Ahli perniagaan yang sebenar mahu berniaga seperti biasa bukannya menipu dan memanipulasi. Jika anggota Apec bekerjasama mengatasinya, saya percaya ia akan membuahkan hasil.

"Saya pasti ramai yang datang untuk mencari jalan mengatasi krisis ini dan melihat kejayaan pada masa depan. Reformasi sistem kewangan adalah sebahagian daripada proses pemulihan ekonomi," katanya.

Mengenai kemungkinan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dibangkitkan pada mesyuarat Apec, Dr Noordin berkata:

"Saya tidak fikir sama sekali, malah yakin Apec tidak akan menjadi karnival dan medan kepada ahli politik untuk membincangkan isu politik," katanya.

Menurutnya, sidang kemuncak Apec kali ini penting kepada pemimpin negara dan masyarakat perniagaan yang bertanggungjawab menggunakan peluang itu membincangkan isu ekonomi dan perniagaan.

"Saya percaya tidak ada yang akan membincangkan isu politik, hak asasi dan demokrasi, sebaliknya menumpukan kepada perniagaan dan ekonomi.

"Politik, keselamatan dan pemeliharaan hidupan liar bukan urusan Apec. Urusan Apec ialah kerjasama dalam bidang perniagaan dan ekonomi," katanya.

(END)

